



LEMBAGA JURUTERA MALAYSIA
Board of Engineers Malaysia

**LAPORAN | ANNUAL
TAHUNAN | REPORT**
2 0 1 7

www.bem.org.my

KANDUNGAN CONTENT

PERUTUSAN PRESIDEN
President's Message

06

MAKLUMAT KORPORAT
Corporate Information

08

TADBIR URUS KORPORAT
Corporate Governance

20

PENCAPAIAN 2017
Achievements 2017

38

AKTIVITI UTAMA 2017
Major Events 2017

48

PERISTIWA PENTING 2017
Highlights of 2017

60

PENYATA KEWANGAN
Financial Statement

77

LEMBAGA PENGARANG LAPORAN TAHUNAN
ANNUAL REPORT EDITORIAL BOARD

Pengerusi

Chairman

Dato' Ir. Dr Ali Askar Sher Mohamad

Ahli

Members

Dato' Ir. Fong Tian Yong

Prof. Ir. Dr K S Kannan

Ir. Mohd Rasid Osman

Ir. Dr. Zuhairi Abd Hamid

Ir. Prem Kumar Vasudevan

Ir. Hizamul-din Ab Rahman

Ir. Suhaizad Hj Sulaiman

Ir. Mohd Noramil Mohd Daril



KENYATAAN **PRESIDEN** **PRESIDENT'S STATEMENT**



**DATO' SRI Ir.
Dr. ROSLAN BIN MD TAHA**

Presiden, Lembaga Jurutera Malaysia
President, Board of Engineers Malaysia

Tahun 2017 telah menjadi tahun yang sibuk bagi Lembaga Jurutera Malaysia (LJM). Pendaftaran jurutera secara pukal melalui universiti tempatan telah meningkatkan jumlah jurutera siswazah berdaftar dengan LJM kepada 105,593. Pemudahcaraan pendaftaran jurutera siswazah dengan LJM melalui Memorandum Persefahaman dengan universiti telah memberi manfaat kepada 19 universiti awam dan swasta tempatan.

The year 2017 has been a busy period for Board of Engineers Malaysia (BEM) with the expansion of bulk registration through local universities bringing the total number of graduate engineers registered with BEM up to 105,593 breaching the 100,000 mark. Such facilitation of registration of graduate engineers with BEM through Memorandum of Understanding with the respective universities has benefited 19 local public and private universities.



Sejak pendaftaran Teknologis Kejuruteraan dan Pemeriksa Tapak dimulakan pada tahun 2016, jumlah yang didaftarkan pada tahun 2017 meningkat dua kali ganda berbanding tahun sebelumnya. Jumlah Teknologis Kejuruteraan yang didaftarkan pada tahun 2017 adalah 3,974 berbanding 1,915 pada tahun 2016 manakala bagi Pemeriksa Tapak pula, jumlah yang didaftarkan pada tahun 2017 adalah 1,941 berbanding 897 pada tahun 2016.

LJM telah menjalankan siri jerayawara di lima bandaraya utama iaitu Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Johor Bahru, Kota Kinabalu dan Kuching. Siri Jerayawara LJM 2017 ini adalah bagi mewujudkan kesedaran yang lebih baik tentang etika dan tata kelakuan jurutera berikutan pertambahan bilangan kes aduan terhadap pengamal jurutera.

Tahun 2017 menyaksikan satu lagi kejayaan baru bagi LJM di mana kuasa menjalankan akreditasi program ijazah teknologi kejuruteraan telah dipindahkan dari MQA kepada LJM berkuatkuasa 1 Januari 2017. Sehubungan itu, LJM dengan sukacitanya mengumumkan bahawa Lembaga Jurutera Malaysia melalui Majlis Akreditasi Teknologi Kejuruteraan adalah merupakan badan akreditasi program juruteknik kejuruteraan berkuatkuasa 1 Februari 2018.

LJM juga berbangga kerana telah diberi penghormatan untuk menganjurkan Perbincangan Meja Bulat Pemain Industri di kalangan negara-negara ASEAN pada 15 Mei 2017 bersempena dengan Mesyuarat Jawatankuasa Penyelaras Perkhidmatan yang dianjurkan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia. Antara topik yang dibincangkan ialah pengembangan liputan MRA merangkumi Teknologis Kejuruteraan dan Juruteknik dalam industri pembinaan di rantau ASEAN.

Di peringkat antarabangsa, LJM telah dipilih sebagai Pengurus Rangkaian Badan Akreditasi untuk Pendidikan Kejuruteraan di Asia (NABEEA) selama 2 tahun semasa Perhimpunan Agung Ke-10 di Alaska USA pada 21 Jun 2017.

Sebagai badan kawal selia, LJM akan terus mengawalselia tata kelakuan orang berdaftar yang memberi perkhidmatan kepada industri dan pelanggan dengan sentiasa memastikan mereka mengambil kira faktor keselamatan dan kualiti di dalam perkhidmatan.

Dato' Sri Ir. Dr. Roslan bin Md Taha
Presiden
Lembaga Jurutera Malaysia

Since the registration of Engineering Technologists and Inspectors of Works which started in 2016, the total numbers registered in 2017 increased two fold compared to the year before. For Engineering Technologists, the total registered in 2017 was 3,974 against 1,915 in 2016 while for Inspector of Works it was 1,941 against 897 in 2016.

BEM had conducted five Road Shows in major cities of Kuala Lumpur, Penang, Johor Bahru, Kota Kinabalu and Kuching. The BEM Road Show 2017 (Outreach Programme) was to bring about better awareness of engineering ethics and conduct in view of the increasing number of complaint cases against the practicing engineers.

The year 2017 marked a new milestone for BEM as the authority to conduct accreditation of engineering technology degree programs was transferred from MQA to BEM effective 1 January 2017. Following this, we are pleased to announce that BEM through Engineering Technologist Accreditation Council (ETAC) will be the accreditation authority for engineering technician program effective 1st February 2018.

BEM is also proud to have been given the honour to organize the Roundtable Discussion of Industry Players among ASEAN countries on 15th May 2017 in conjunction of the Coordinating Committee on Services Meeting organized by the Ministry of International Trade and Industry, Malaysia. Among the topics discussed were expansion of the coverage of MRA to include engineering Technologists and Technicians in the construction industry within ASEAN region.

At the international level, BEM has been elected as Chairman of Network of Accreditation Bodies for Engineering Education in Asia (NABEEA) for 2 years during the 10th General Assembly in Alaska USA pada 21 June 2017.

As a regulatory body, BEM will continue to be vigilant on the conduct of its registered persons delivering their services to the industry and clients with safety and quality in mind.

Dato' Sri Ir. Dr. Roslan bin Md Taha
President
Board of Engineers Malaysia

MAKLUMAT KORPORAT

CORPORATE INFORMATION



LEMBAGA JURUTERA MALAYSIA

Lembaga Jurutera Malaysia (LJM) adalah sebuah badan berkanun persekutuan di bawah Kementerian Kerja Raya Malaysia yang ditubuhkan mengikut Undang-undang Malaysia, Akta Pendaftaran Jurutera 1967 (Akta 138). Peranan utama LJM adalah mendaftar Jurutera, Pemeriksa Bertauliah, Teknologis Kejuruteraan, Pemeriksa Tapak dan syarikat Amalan Perunding Kejuruteraan seperti pemilik tunggal, perkongsian dan badan korporat yang menyediakan perkhidmatan kejuruteraan professional. LJM juga mengawal selia tata kelakuan dan amalan profesional orang berdaftar bagi melindungi keselamatan dan kepentingan orang ramai.

BOARD OF ENGINEERS MALAYSIA

The Board of Engineers Malaysia (BEM) is a federal statutory agency under the Ministry of Works Malaysia. It was established under the laws of Malaysia, the Registration of Engineers Act 1967 (Act 138), with primary role to register Engineers, Engineering Technologists and Inspectors of Works. BEM also registers Engineering Consultancy Practices in the form of sole proprietorships, partnerships and body corporate providing professional engineering services. BEM also regulates the professional conduct and practice of registered person in order to safeguard the safety and interest of the public.

VISI, MISI & POLISI KUALITI

VISION, MISSION & QUALITY POLICY

Menjadi badan berkuasa yang sangat dihormati dan berwibawa yang memastikan keselamatan dan kepentingan awam dalam bidang kejuruteraan.

To be a highly respected and authoritative body that ensures public interest and safety in engineering.

Memastikan perkhidmatan kejuruteraan yang disediakan di negara ini adalah berkualiti tinggi, amanah, bertanggungjawab, menepati etika profesional dan ditanda aras kepada amalan terbaik.

To ensure that engineering services provided in the country are of high quality, delivered with due diligence, conforming to the professional ethics and benchmarked to the best practices.



LJM komited untuk menyediakan perkhidmatan yang cemerlang kepada jurutera berdaftar dan pihak-pihak berkepentingan dan kepada penambahbaikan standard yang berterusan.

The Board is committed to providing excellent services to registered engineers and stakeholders and to the continual improvements of its standards.

PIAGAM PELANGGAN

CLIENT CHARTER

- Semua urusan pendaftaran jurutera akan diproses dalam tempoh masa yang ditetapkan.
- Mengambil bahagian secara aktif dalam aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan profesion kejuruteraan dengan agensi-agensi kerajaan yang lain atau pihak yang berkepentingan.
- Semua aduan dan pertanyaan daripada orang ramai berkaitan dengan perkhidmatan kejuruteraan akan dilayan dalam kadar segera.
- All matters pertaining to the registration of engineers will be processed within stipulated time frame.
- BEM shall actively participate in activities related to the engineering profession with other government agencies or interested parties.
- All complaints and enquiries from public relating to engineering services shall be attended to expeditiously.

FUNGSI FUNCTIONS

Selaras dengan Akta Pendaftaran Jurutera 1967 (Pindaan 2015), fungsi LJM adalah:

- (a) untuk menyimpan dan menyenggarakan Daftar;
- (b) untuk meluluskan atau menolak permohonan untuk pendaftaran di bawah Akta ini atau untuk meluluskan apa-apa permohonan tertakluk kepada apa-apa syarat atau sekatan yang difikirkan patut dikenakan;
- (c) untuk memerintahkan pengeluaran amaran bertulis atau teguran, pengenaan denda, penggantungan, pembatalan, penghapusan atau pengembalian semula mengikut Bahagian III dan IV;
- (d) untuk menetapkan dari semasa ke semasa dengan kelulusan Menteri skala fi yang akan dikenakan oleh Jurutera dan syarikat Amalan Perunding Kejuruteraan berdaftar untuk perkhidmatan kejuruteraan profesional yang diberikan;
- (e) untuk mendengar dan memutuskan pertikaian yang berkaitan dengan tingkah laku atau etika profesional orang berdaftar atau melantik suatu jawatankuasa atau penimbang tara atau penimbang tara – penimbang tara untuk mendengar dan menentukan pertikaian itu;
 - (i) untuk bertindak sebagai pihak berkepentingan dalam suatu kontrak bagi perkhidmatan kejuruteraan profesional, apabila diminta;
 - (ii) untuk mengambil bekerja mana-mana orang, sebagaimana difikirkan perlu, untuk membantu Lembaga menjalankan fungsi, kuasa dan kewajipan tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang ditentukan;
 - (iii) menyediakan kemudahan untuk menggalakkan pembelajaran dan pendidikan dan untuk mengadakan atau menyebabkan supaya diadakan program pembangunan profesional, termasuk Program Pembangunan Profesional untuk Orang Berdaftar bagi meningkatkan pengetahuan mereka dalam perkembangan terkini berkaitan dengan profesion;
 - (iv) untuk melantik suatu jawatankuasa yang terdiri daripada orang yang akan ditentukan oleh Lembaga –
 - (a) untuk menjalankan peperiksaan penilaian profesional untuk tujuan kemasukan sebagai Jurutera Profesional; atau
 - (b) untuk menjalankan peperiksaan kompetensi profesional untuk tujuan mengeluarkan Sijil Amalan kepada Jurutera Profesional;

In accordance to the Registration of Engineers Act 1967 (Revised 2015), the functions of the Board shall be:

- (a) to keep and maintain the Register;
- (b) to approve or reject applications for registration under this Act or to approve any such application subject to such conditions or restrictions as it may deem fit to impose;
- (c) to order the issuance of a written warning or reprimand, the imposition of a fine, suspension, cancellation, removal or reinstatement in accordance with Parts III and IV;
- (d) to fix from time to time with the approval of the Minister the scale of fees to be charged by registered Engineers and Engineering consultancy practices for professional engineering services rendered;
- (e) to hear and determine disputes relating to professional conduct or ethics of registered Persons or to appoint a committee or arbitrator or arbitrators to hear and determine such disputes;
 - (i) to act as a stakeholder in a contract for professional engineering services, when requested;
 - (ii) to employ any person, as it deems necessary, to assist the Board in carrying out its functions, powers and duties subject to such terms and conditions as it may determine;
 - (iii) to provide facilities for the promotion of learning and education and to hold or cause to be held professional development programmes, including continuing professional development programmes, for registered Persons to further enhance their knowledge in the latest developments relating to that profession;
 - (iv) to appoint a committee consisting of persons to be determined by the Board –
 - (a) to conduct professional assessment examinations for the purpose of admission as a Professional Engineer; or
 - (b) to conduct professional competency examinations for the purpose of issuing a Practising Certificate to the Professional Engineer;

- (v) untuk melantik mana-mana orang untuk mewakili Lembaga dalam mana-mana jawatankuasa, panel atau institusi, di mana orang tersebut kemudiannya akan membuat cadangan kepada Lembaga mengenai semua perkara mengenai kelayakan untuk kemasukan ke profesion;
- (vi) untuk melantik sebuah badan yang terdiri daripada ahli-ahli Lembaga, Jurutera Profesional dan orang lain sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga untuk menasihati Kerajaan dan orang awam mengenai perkara-perkara yang berhubungan dengan pendidikan kejuruteraan, termasuk pensijilan program itu;
- (vii) untuk menyebabkan peperiksaan dijalankan oleh sebuah institusi yang diiktiraf oleh Lembaga bagi maksud kemasukan ke dalam profesion;
- (f) untuk menentukan dan mengawal kelakuan dan etika profesion kejuruteraan; dan
- (g) Secara amnya, untuk melakukan segala tindakan, perkara dan benda yang perlu bagi melaksanakan peruntukan Akta ini.
- (v) to appoint any person to represent the Board in any committee, panel or institution, where that person would subsequently make recommendations to the Board on all matters regarding the qualifying for admission to the profession;
- (vi) to appoint a body consisting of members from the Board, Professional Engineers and other persons as may be determined by the Board to advise the Government and the public on matters relating to engineering education, including the certification of such programmes;
- (vii) to cause examinations to be conducted by an institution recognized by the Board for the purpose of admission to the profession;
- (f) to determine and regulate the conduct and ethics of the engineering profession; and
- (g) Generally, to do all such acts, matters and things as are necessary to carry out the provisions of this Act.





AHLI LEMBAGA

Lembaga hendaklah terdiri daripada ahli berikut yang mestilah warganegara Malaysia dan yang dilantik oleh Menteri:

- (a) seorang Presiden yang hendaklah seorang Jurutera Profesional atau Jurutera Profesional dengan Perakuan Amalan;
- (b) tidak lebih daripada empat belas orang Ahli yang hendaklah terdiri daripada Jurutera Profesional dan Jurutera Profesional dengan Perakuan Amalan, lima daripada mereka hendaklah daripada senarai pencalonan dikemukakan oleh Majlis Institusi Jurutera Malaysia;
- (c) seorang Ahli yang dinamakan oleh Lembaga Arkitek daripada kalangan Ahli Lembaga itu yang ditubuhkan di bawah Akta Arkitek 1967; dan
- (d) seorang Ahli yang dinamakan oleh Lembaga Juruukur Bahan dari kalangan Ahli Lembaga yang ditubuhkan di bawah Akta Juruukur Bahan 1967.

Dan yang hendaklah terdiri daripada yang berikut:

- (i) tiga orang Jurutera Profesional dan dua Jurutera Profesional dengan Perakuan Amalan di dalam perkhidmatan awam Persekutuan;
- (ii) tidak lebih daripada dua orang Jurutera Profesional di dalam perkhidmatan pihak berkuasa tempatan atau pihak berkuasa berkanun;
- (iii) tidak lebih daripada lima orang Jurutera Profesional dengan Perakuan Amalan yang merupakan kakitangan, pemilik tunggal, rakan kongsi atau pengarah syarikat amalan perunding kejuruteraan; dan
- (iv) Jurutera Profesional dan Jurutera Profesional dengan Perakuan Amalan yang merupakan kakitangan mana-mana orang atau kumpulan orang, yang bukan dalam perkhidmatan awam Persekutuan atau dalam perkhidmatan mana-mana pihak berkuasa tempatan atau pihak berkuasa berkanun.

BOARD MEMBERS

The Board shall consist of the following members who shall be Malaysian citizens and who are appointed by the Minister:

- (a) a President who shall be a Professional Engineer or a Professional Engineer with Practising Certificate;
- (b) not more than fourteen members who shall be Professional Engineers and Professional Engineers with Practising Certificates, five of whom shall be from a nomination list submitted by the Council of the Institution of Engineers Malaysia;
- (c) one member on the nomination of the Board of Architects from among members of that Board established under the Architects Act 1967; and
- (d) one member on the nomination of the Board of Quantity Surveyors from among members of that Board established under the Quantity Surveyors Act 1967.

And who shall consist of the following:

- (i) three Professional Engineers and two Professional Engineers with Practising Certificate who are in the public service of the Federation;
- (ii) not more than two Professional Engineers who are in the service of any local authority or statutory authority;
- (iii) not more than five Professional Engineers with Practising Certificates who are employees, sole proprietors, partners or directors of an engineering consultancy practice; and
- (iv) a Professional Engineer and a Professional Engineer with Practising Certificate who are employees of any person or body of persons, not being in the public service of the Federation or in the service of any local authority or statutory authority.



MESYUARAT LEMBAGA 2017-2018

Mesyuarat Lembaga telah diadakan sebanyak tujuh (7) kali pada tahun 2017 seperti berikut:


MEETINGS OF THE BOARD 2017-2018

The Board held seven (7) meetings in year 2017 as follows:

Bil. Mesyuarat Meeting No.	Tarikh Date
324	6.2.2017
325	27.3.2017
326	25.5.2017
327	3.7.2017
328	21.8.2017
329	9.10.2017
330	17.11.2017



AHLI LEMBAGA 2017 - 2018
BOARD MEMBERS 2017 - 2018



AHLI LEMBAGA 2017-2018 BOARD MEMBERS 2017-2018



Duduk dari kiri:


Sitting from Left:

Ir. Lee Boon Chong, Ar. Zuraina Leily Awalludin, Datuk Wira Ir. Md. Sidek Ahmad,
Ir. Hizamul-din Ab Rahman (Registrar), Dato' Sri Ir. Dr. Roslan Md Taha,
Ir. Suhaizad Hj. Sulaiman (Secretary), Datuk Ir. Ruslan bin Abdul Aziz,
Ir. Dr. Tan Yean Chin, Ir. Junaidi bin Sahadan

Berdiri dari kiri:

Standing from left:
Ir. Lai Sze Ching, Prof. Ir. Megat Johari bin Megat Mohd Noor,
Datuk Ir. Mohd Adnan bin Mohd Nor, Ir. Gopal a/l Narian Kutty,
Ir. Sundaraj a/l A. Krishnasamy, Dato' Ir. Dr. Md Nasir bin Md Noh

JAWATANKUASA PENGURUSAN 2017-2018



1. Dato' Sri Ir. Dr. Roslan bin Md Taha
Presiden
President
2. Datuk Paduka Ir. Keizrul bin Abdullah
Ahli Jawatankuasa
Member
3. Dato' Ir. (Dr) Abdul Rahim bin Hashim
Ahli Jawatankuasa
Member
4. Dato' Ir. Abdul Rashid bin Maidin
Ahli Jawatankuasa
Member
5. Dato' Ir. Mohammed Noor bin Abu Hassan
Ahli Jawatankuasa
Member

MANAGEMENT COMMITTEE 2017-2018



6. Datuk Ir. Mohd Adnan bin Mohd Nor
Ahli Jawatankuasa
Member

7. Datuk Ir. Ruslan bin Abdul Aziz
Ahli Jawatankuasa
Member


8. Ir. Prem Kumar
Ahli Jawatankuasa
Member

9. Ir. Mohd Rousdin Hassan
Ahli Jawatankuasa
Member

10. Ir. Hizamul-din Ab Rahman
Pendaftar
Registrar


11. Ir. Suhaizad Hij Sulaiman
Setiausaha
Secretary

STRUKTUR ORGANISASI LJM BEM ORGANISATION STRUCTURE



CARTA OPERASI LJM

BEM OPERATIONAL CHART



TADBIR URUS KORPORAT



TADBIR URUS KORPORAT

Lembaga diuruskan berdasarkan prinsip Tadbir Urus Korporat dengan rujukan utama kepada Akta Pendaftaran Jurutera 1967 (REA1967) dan Peraturan Pendaftaran Jurutera 1990 (RER1990), sejajar dengan fungsinya seperti yang termaktub dalam Seksyen 4 REA1967.

Pelbagai jawatankuasa tetap telah ditubuhkan untuk memantau dan mengukuhkan pelaksanaan REA1967 dan RER1990 seperti:

JAWATANKUASA PENGURUSAN

Ahli:

1. Dato' Sri Ir. Dr. Roslan bin Md. Taha (Awam) (Pengerusi)
2. Datuk Paduka Ir. Keizrul bin Abdullah (Awam)
3. Datuk Ir. Abdul Rahim bin Hashim (Elektrikal)
4. Datuk Ir. Ruslan bin Abdul Aziz (Awam)
5. Datuk Ir. Mohd Adnan bin Mohd Nor (Awam)
6. Dato' Ir. Mohammed Noor bin Abu Hassan (Awam)
7. Dato' Ir. Abdul Rashid bin Maidin (Awam)
8. Ir. Mohd Rousdin Hassan (Awam)
9. Ir. Prem Kumar (Elektrikal)

Terma Rujukan:

- Menguruskan pentadbiran Lembaga.
- Menyediakan dasar sokongan kewangan.
- Menyimpan dan menyenggara akaun dan rekod yang berkaitan dengan tepat dan betul:
 - Aset dan liabiliti Lembaga
 - Jumlah wang yang diterima dan dibelanjakan atau dibawah kuasa Lembaga.
- Menentukan pengambilan kakitangan, gaji dan skim perkhidmatan kakitangan LJM.

CORPORATE GOVERNANCE

The Board is managed based on its Corporate Governance principle, the Registration of Engineers Act 1967 (REA1967) and the Registration of Engineers Regulations (RER1990), in line with its functions as in Section 4 of the REA1967.

Numerous standing committees have been established to monitor and reinforce the implementation of the REA1967 and RER1990 such as:

MANAGEMENT COMMITTEE

Members:

1. Dato' Sri Ir. Dr. Roslan bin Md. Taha (Civil) (Chairman)
2. Datuk Paduka Ir. Keizrul bin Abdullah (Civil)
3. Datuk Ir. Abdul Rahim bin Hashim (Electrical)
4. Datuk Ir. Ruslan bin Abdul Aziz (Civil)
5. Datuk Ir. Mohd Adnan bin Mohd Nor (Civil)
6. Dato' Ir. Mohammed Noor bin Abu Hassan (Civil)
7. Dato' Ir. Abdul Rashid bin Maidin (Civil)
8. Ir. Mohd Rousdin Hassan (Civil)
9. Ir. Prem Kumar (Electrical)

Terms of Reference:

- Managing the administration of the Board
- Set up policy on financial support
- Keep and maintain proper accounts and records relating to:
 - Assets and liabilities of the Board
 - The sums of money received and expended or under the authority of the Board
- Decide the new recruitment, salary and scheme of services of the Board's staff.

JAWATANKUASA AKTA JURUTERA

Ahli:

1. Dato' Ir. Abdul Rashid bin Maidin (Awam) (Pengerusi)
2. Ir. Lai Sze Ching (Mekanikal) (Pengerusi Gantian)
3. Tan Sri Dato' Ir. Zaini bin Omar (Elektrikal)
4. Datuk Paduka Ir. Keizrul bin Abdullah (Awam)
5. Datuk Wira Ir. Md Sidek bin Ahmad (Elektrikal)
6. Dato' Ir. Chew Swee Hock (Awam)
7. Dato' Ir. Fong Tian Yong (Awam)
8. Ir. Prem Kumar (Elektrikal)
9. Ir. Chen Thiam Leong (Mekanikal)
10. Prof. Ir. Megat Johari bin Megat Mohd Noor (Awam)
11. Ir. Dr. Wong Wai Wah (Awam)

Terma Rujukan:

- Membantu dan menasihat dalam perkara yang berhubungan dengan –
 - Akta Jurutera dan Peraturan; dan
 - Akta dan Undang-Undang lain yang boleh menjaskan profesi kejuruteraan.
- Membincangkan dan mempertimbangkan keperluan untuk mengemas kini mana-mana bahagian Akta Jurutera dan Peraturan, sekiranya terdapat sebarang permasalahan yang dihadapi oleh Lembaga dalam pelaksanaan undang-undang berkaitan;
- Memberi perhatian kepada apa-apa pertanyaan yang berkaitan dengan Akta Jurutera dan Peraturan; dan
- Mencadangkan kepada Lembaga dari semasa ke semasa perubahan yang perlu pada mana-mana bahagian daripada Akta Jurutera dan Peraturan, dan mendorong pindaan kepada undang-undang tersebut selepas Lembaga telah bersetuju dengan perubahan tersebut.

JAWATANKUASA SKALA YURAN

Ahli:

1. Ir. Lai Sze Ching (Mekanikal) (Pengerusi)
2. Datuk Ir. Mohd Adnan bin Mohd Nor (Awam) (Pengerusi Gantian)
3. Dato' Ir. Chew Swee Hock (Awam)
4. Ir. Prem Kumar (Elektrikal)
5. Ir. Chen Thiam Leong (Mekanikal)
6. Ir. Yau Chau Fong (Elektrikal)
7. Ir. Mohamad Zulkefly bin Sulaiman (Awam)
8. Ar. Zuraina Leily binti Awalludin
9. Ir. Elias bin Saidin (Awam)
10. Ir. Romesh Srinivasan (Awam)

Terma Rujukan:

- Mengkaji skala yuran dari semasa ke semasa dengan mengambil kira keperluan industri yang sentiasa berubah dan membuat cadangan kepada Lembaga.
- Mengemaskini Borang Model Perjanjian dari semasa ke semasa, dengan mengambil kira perubahan keperluan industri dan membuat cadangan kepada Lembaga.
- Membantu Lembaga membuat penjelasan kepada

ENGINEERS ACT COMMITTEE

Members:

1. Dato' Ir. Abdul Rashid bin Maidin (Civil) (Chairman)
2. Ir. Lai Sze Ching (Mechanical) (Alternate Chairman)
3. Tan Sri Dato' Ir. Zaini bin Omar (Electrical)
4. Datuk Paduka Ir. Keizrul bin Abdullah (Civil)
5. Datuk Wira Ir. Md Sidek bin Ahmad (Electrical)
6. Dato' Ir. Chew Swee Hock (Civil)
7. Dato' Ir. Fong Tian Yong (Civil)
8. Ir. Prem Kumar (Electrical)
9. Ir. Chen Thiam Leong (Mechanical)
10. Prof. Ir. Megat Johari bin Megat Mohd Noor (Civil)
11. Ir. Dr. Wong Wai Wah (Civil)

Terms of Reference:

- Assist and advise in matters relating to –
 - Engineers Act and Regulations; and
 - Other Acts and Bills that may affect or infringe the engineering profession.
- Discuss and deliberate on the need to update any part of the Engineers Act and Regulations, should there be any difficulties encountered by the Board in the implementation of the related laws;
- Attend to any enquiry pertaining to the Engineers Act and Regulations; and
- Propose to the Board from time to time necessary changes to any part of the Engineers Act and Regulations, and draft amendments to the said laws after the Board has agreed to the changes.

SCALE OF FEES COMMITTEE

Members:

1. Ir. Lai Sze Ching (Mechanical) (Chairman)
2. Datuk Ir. Mohd Adnan bin Mohd Nor (Civil) (Alternate Chairman)
3. Dato' Ir. Chew Swee Hock (Civil)
4. Ir. Prem Kumar (Electrical)
5. Ir. Chen Thiam Leong (Mechanical)
6. Ir. Yau Chau Fong (Electrical)
7. Ir. Mohamad Zulkefly bin Sulaiman (Civil)
8. Ar. Zuraina Leily binti Awalludin
9. Ir. Elias bin Saidin (Civil)
10. Ir. Romesh Srinivasan (Civil)

Terms of Reference:

- Review the scale of fees from time to time, taking into consideration the changing need of the industry, and make recommendations to the Board.
- Update the Model Form of Agreement from time to time, taking into consideration the changing need of the industry, and make recommendations to the Board.
- Assist the Board in making clarifications to enquiries on

pertanyaan-pertanyaan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan yuran profesional.

- Membantu Lembaga dalam membuat representasi kepada pihak berkuasa dan organisasi dalam perkara yang melibatkan Jurutera dengan mengambil kira yuran dan hak profesional.

JAWATANKUASA PEMANTAUAN KEBANGSAAN

Ahli:

LJM

Dato' Sri Ir. Dr. Roslan bin Md Taha (Awam) (Pengerusi)
Dato' Ir. Abdul Rashid bin Maidin (Awam) (Pengerusi Gantian)
Tan Sri Ir. Prof. Dr. Mohd Zulkifli bin Tan Sri Mohd Ghazali (Awam)

JURUTERA PROFESIONAL DAN LAIN-LAIN

Datuk Ir. Abdul Rahim Hashim (Elektrikal)
Datuk Wira Ir. Md. Sidek bin Ahmad (Elektrikal)
Ir. Rocky Wong Hon Thang (Elektrikal)
Prof. Ir. Megat Johari bin Megat Mohd Noor (Awam)

IEM

Ir. David Lai Kong Phooi (Awam)
Ir. Ong Ching Loon (Mekanikal)

ACEM

Ir. Dr. Wong Wai Wah (Awam)

Terma Rujukan:

- Mewakili Lembaga dalam mesyuarat / persidangan berkaitan dengan Perikatan Kejuruteraan Antarabangsa seperti Daftar APEC, IntPE, Permuafakatan Washington, Permuafakatan Sydney dan Permuafakatan Dublin.
- Melaksanakan fungsi Jawatankuasa Pemantauan mengikut Perkara 4.2, MRA ASEAN mengenai Perkhidmatan Kejuruteraan.
- Mewakili Lembaga dalam forum / persidangan yang berkaitan dengan amalan kejuruteraan profesional antarabangsa dan perkara-perkara lain yang berkaitan.
- Mengambil bahagian secara aktif dalam organisasi antarabangsa
 - dalam perkara yang berkaitan dengan amalan kejuruteraan terbaik
 - melindungi disiplin kejuruteraan Malaysia
- Menasihat dan mengesyorkan tindakan yang perlu diambil oleh Lembaga mengenai perkara-perkara tersebut.
- Menubuhkan satu pasukan petugas dalam bidang berkaitan.

JAWATANKUASA PERMOHONAN

Ahli:

1. Ir. K. Sundraraj (Awam) (Pengerusi)
2. Ir. Lee Boon Chong (Elektrikal) (Pengerusi Gantian)
3. Dato' Ir. Dr. Khoo Ping Sen (Awam)
4. Dato' Prof. Ir. Dr. Othman bin A. Karim (Awam)
5. Dato' Prof. Ir. Dr. Hassan bin Basri (Awam)
6. Ir. Magdalene Tan Lee (Elektrikal)
7. Ir. Prof. Dr. K. S. Kannan (Mekanikal)
8. Ir. Noor Hisham bin Yahaya (Mekanikal)
9. Ir. Razmhwata bin Mohamad Razalli (Kimia)
10. Assoc. Prof. Ir. Dr. Norlida Buniyamin (Elektrikal)
11. Ir. Fam Yew Hin (Mekanikal)

matters relating to professional fees.

- Assist the Board in making representations to relevant authorities and organisations on matters affecting Engineers with regard to fees and professional rights.

NATIONAL MONITORING COMMITTEE

Members:

BEM

Dato' Sri Ir. Dr. Roslan bin Md Taha (Civil) (Chairman)
Dato' Ir. Abdul Rashid bin Maidin (Civil) (Alternate Chairman)
Tan Sri Ir. Prof. Dr. Mohd Zulkifli bin Tan Sri Mohd Ghazali (Civil)

IDENTIFIED PE & OTHERS

Datuk Ir. Abdul Rahim Hashim (Electrical)
Datuk Wira Ir. Md. Sidek bin Ahmad (Electrical)
Ir. Rocky Wong Hon Thang (Electrical)
Prof. Ir. Megat Johari bin Megat Mohd Noor (Civil)

IEM

Ir. David Lai Kong Phooi (Civil)
Ir. Ong Ching Loon (Mechanical)

ACEM

Ir. Dr. Wong Wai Wah (Civil)

Terms of Reference:

- Represent the Board in meetings / conference in matter related to International Engineering Alliance such as APEC Register, IntPE, Washington Accord, Sydney Accord and Dublin Accord.
- Perform the functions of the Monitoring Committee, i.e. MC as per Article of 4.2 of the ASEAN MRA on Engineering Services.
- Represent the Board at forum / conferences related to international professional engineering practice and other related matters.
- Actively participate in international organisation:
 - in matter related to best engineering practice
 - to safeguard the Malaysian engineering discipline
- Advise and recommend actions to be taken by the Board on such matters.
- Set up a working group in areas of interest.

APPLICATION COMMITTEE

Members:

1. Ir. K. Sundraraj (Civil) (Chairman)
2. Ir. Lee Boon Chong (Electrical) (Alternate Chairman)
3. Dato' Ir. Dr. Khoo Ping Sen (Civil)
4. Dato' Prof. Ir. Dr. Othman bin A. Karim (Civil)
5. Dato' Prof. Ir. Dr. Hassan bin Basri (Civil)
6. Ir. Magdalene Tan Lee (Electrical)
7. Ir. Prof. Dr. K. S. Kannan (Mechanical)
8. Ir. Noor Hisham bin Yahaya (Mechanical)
9. Ir. Razmhwata bin Mohamad Razalli (Chemical)
10. Assoc. Prof. Ir. Dr. Norlida Buniyamin (Electrical)
11. Ir. Fam Yew Hin (Mechanical)

Terma Rujukan:

- Proses, menaksir, menilai, meluluskan dan menolak permohonan untuk pendaftaran sebagai orang yang berdaftar di bawah REA1967 seperti berikut:
 - Jurutera Profesional dengan Perakuan Amalan
 - Jurutera Profesional
 - Pemeriksa Bertauliah
 - Jurutera Siswazah
 - Teknologis Kejuruteraan
 - Pemeriksa Tapak
- Memproses, menaksir, menilai, meluluskan dan menolak permohonan untuk pendaftaran sebagai amalan perundingan kejuruteraan di bawah REA1967 seperti berikut:
 - Pertubuhan Perbadanan (Badan Korporat)
 - Perkongsian
 - Pemilik Tunggal
 - Amalan Pelbagai Disiplin
- Memaklumkan keputusan permohonan pendaftaran dalam tempoh empat bulan dari tarikh permohonan lengkap diterima.

JAWATANKUASA PEMERIKSA BERTAULIAH**Ahli:**

1. Datuk Ir. Ruslan bin Abdul Aziz (Awam) (Pengerusi)
2. Ir. Dr. Tan Yean Chin (Awam) (Pengerusi Gantian)
3. Dato' Ir. Fong Tian Yong (Awam)
4. Dato' Ir. Dr. Ashaari bin Mohamad (Awam)
5. Dato' Ir. Dr. Abdul Aziz bin Arshad (Awam)
6. Ir. Dr. Wong Chin Chaw (Awam)
7. Ir. Dr. Mohd Asbi bin Othman (Awam)
8. Ir. Tang Kam Kok (Awam)
9. Ir. Mohd Noor Azudin bin Mansor (Awam)
10. Ir. Ishak bin Abdul Rahman (Awam)
11. Ir. Dr. Ooi Teik Aun (Awam)

Terma Rujukan:

- Membantu Lembaga dalam menjalankan fungsinya seperti yang ditetapkan di bawah Seksyen 4(1)(a) dan Seksyen 10B Akta Pendaftaran Jurutera 1967.
- Membantu Lembaga dalam merangka dan mengemaskini dasar dan prosedur pendaftaran Pemeriksa Bertauliah.
- Menilai permohonan untuk didaftarkan sebagai Pemeriksa Bertauliah.
- Mengendali temuduga Pemeriksa Bertauliah.
- Mencadangkan kepada Lembaga senarai orang yang berkelayakan untuk didaftarkan sebagai Pemeriksa Bertauliah.
- Merumus, mengemaskini dan menerbitkan garis panduan yang perlu.

JAWATANKUASA PEPERIKSAAN & KELAYAKAN**Ahli:**

1. Ir. Prof. Megat Johari bin Megat Mohd Noor (Awam) (Pengerusi)
2. Datuk Ir. Mohd Adnan bin Mohd Nor (Awam) (Pengerusi Gantian)
3. Dato' Prof. Ir. Dr. Hassan bin Basri (Awam)
4. Ir. Prem Kumar (Elektrikal)
5. Ir. Prof. Dr. K.S. Kannan (Mekanikal)
6. Prof. Ir. Dr. Abdul Aziz bin Abd Raman (Kimia)
7. Ir. Magdalene Tan Lee (Elektrikal)

Terms of Reference:

- Process, assess, evaluate, approve and reject application for registration as registered person under the REA1967 as follows:
 - Professional Engineer with Practising Certificate
 - Professional Engineer
 - Accredited Checker
 - Graduate Engineer
 - Engineering Technologist
 - Inspector of Works
- Process, assess, evaluate, approve and reject application for registration as engineering consultancy practices under the REA1967 as follows:
 - Body Corporate
 - Partnership
 - Sole Proprietor
 - Multi-disciplinary Practice
- Inform the decision of application for registration within four months for the date of receipt of complete application.

ACCREDITED CHECKERS COMMITTEE**Members:**

1. Datuk Ir. Ruslan bin Abdul Aziz (Civil) (Chairman)
2. Ir. Dr. Tan Yean Chin (Civil) (Alternate Chairman)
3. Dato' Ir. Fong Tian Yong (Civil)
4. Dato' Ir. Dr. Ashaari bin Mohamad (Civil)
5. Dato' Ir. Dr. Abdul Aziz bin Arshad (Civil)
6. Ir. Dr. Wong Chin Chaw (Civil)
7. Ir. Dr. Mohd Asbi bin Othman (Civil)
8. Ir. Tang Kam Kok (Civil)
9. Ir. Mohd Noor Azudin bin Mansor (Civil)
10. Ir. Ishak bin Abdul Rahman (Civil)
11. Ir. Dr. Ooi Teik Aun (Civil)

Terms of Reference:

- Carry out the functions of the Board as stipulated under Section 4(1)(a) and Section 10B of the Registration of Engineers Act 1967.
- Formulate and update policy and procedure for registration of Accredited Checkers.
- Assess the application for registration as Accredited Checker.
- Conduct of Accredited Checkers Interview.
- Recommend to the Board the list of qualified people to be registered as Accredited Checker.
- Formulate, update and publish the necessary guidelines.

EXAMINATION & QUALIFICATION COMMITTEE**Members:**

1. Ir. Prof. Megat Johari bin Megat Mohd Noor (Civil) (Chairman)
2. Datuk Ir. Mohd Adnan bin Mohd Nor (Civil) (Alternate Chairman)
3. Dato' Prof. Ir. Dr. Hassan bin Basri (Civil)
4. Ir. Prem Kumar (Electrical)
5. Ir. Prof. Dr. K.S. Kannan (Mechanical)
6. Prof. Ir. Dr. Abdul Aziz bin Abd Raman (Chemical)
7. Ir. Magdalene Tan Lee (Electrical)

8. Ir. Wong Shu Leong (Elektrikal)
9. Prof. Madya Ir. Dr. Abd Rahim bin Abu Talib (Aeronautik)
10. Ir. Lee Boon Chong (Elektrikal)
11. Ir. Chong Chew Fan (Elektrikal)

Terma Rujukan:

- Menguruskan semua peperiksaan penilaian kejuruteraan sebagaimana yang dikehendaki oleh Lembaga.
- Memantau semua peperiksaan penilaian kejuruteraan sebagaimana yang dikehendaki oleh Lembaga.
- Menguruskan semua peperiksaan penilaian kejuruteraan yang diperlukan oleh Lembaga termasuk pentadbiran, penyumberan luar dan memastikan standard dan kualiti peperiksaan.
- Memastikan kualiti dan konsistensi pemeriksa dengan menjalankan latihan / bengkel dari semasa ke semasa.
- Melaporkan kepada Lembaga prestasi mana-mana organisasi sumber luar terlibat dalam menjalankan pemeriksaan bagi pihak Lembaga dari semasa ke semasa.
- Menilai ijazah kejuruteraan yang tidak diiktiraf.
- Sebarang perkara yang dirujuk kepada Lembaga akan dipertimbangkan secara ad-hoc termasuk mengkaji penubuhan:
 - Peperiksaan Kompetensi Profesional (PCE)
 - Audit Keselamatan Jalan Raya dan Penilaian Kesan Trafik (RSA & TIA)
 - Pemeriksa Tapak (IOW)
 - Teknologis Kejuruteraan

JAWATANKUASA LATIHAN & PENDIDIKAN

Ahli:

1. Datuk Ir. Mohd Adnan bin Mohd Nor (Awam) (Pengerusi)
2. Dato' Ir. Dr. Md Nasir bin Md Noh (Awam) (Pengerusi Gantian)
3. Ir. Dr. Muhamad Fuad bin Abdullah (Elektrikal)
4. Ir. Prof. Dr. Abdul Aziz bin Abdul Raman (Kimia)
5. Ir. Dr. Siti Hawa bt Hamzah (Awam)
6. Dato' Ir. Dr. Khoo Ping Sen (Awam)
7. Ir. Mustaffa bin Tek (Mekanikal)
8. Dato' Prof. Ir. Dr. Wan Hamidon bin Wan Badaruzzaman (Awam)
9. Ir. Dr. Muhammad Arkam bin Che Munaaim (Elektrikal)
10. Ir. Mohd Khir bin Muhammad (Aeronautik)

Terma Rujukan:

- Merancang dan memantau pelaksanaan CPD Orang Berdaftar.
- Menggalakkan, memulakan, memotivasi dan jika perlu, membantu dalam menjalankan aktiviti seperti kursus, bengkel, seminar yang sesuai untuk orang berdaftar.
- Mengikuti perkembangan dalam latihan dan pendidikan orang berdaftar dan menasihati Lembaga.
- Menyediakan kemudahan untuk mempromosikan pembelajaran dan pendidikan dan mengadakan atau menyebabkan diadakan program pembangunan profesional, termasuk program pembangunan profesional yang berterusan bagi orang yang berdaftar untuk meningkatkan lagi pengetahuan mereka dalam perkembangan terkini yang berkaitan dengan profesion itu.

8. Ir. Wong Shu Leong (Electrical)
9. Prof. Madya Ir. Dr. Abd Rahim bin Abu Talib (Aeronautical)
10. Ir. Lee Boon Chong (Electrical)
11. Ir. Chong Chew Fan (Electrical)

Terms of Reference:

- Manage all engineering assessment examinations as required by the Board.
- Monitor all engineering assessment examinations as required by the Board.
- Manage all engineering assessment examinations required by the Board including administration, outsourcing and ensuring the standard and quality of the examination.
- Ensure the quality and consistency of examiners by conducting training / workshops from time to time.
- Report to the Board the performance of any outsource organisation involved in conducting examinations on behalf of the Board from time to time.
- Evaluate and assess of non-accredited engineering degrees.
- Any matter referred to the Board will be considered on an ad-hoc basis including looking into the establishment of :
 - Professional Competency Examination (PCE)
 - Road Safety Audit and Traffic & Impact Assessment (RSA & TIA)
 - Inspector of Works (IOW)
 - Engineering Technologist

TRAINING & EDUCATION COMMITTEE

Members:

1. Datuk Ir. Mohd Adnan bin Mohd Nor (Civil) (Chairman)
2. Dato' Ir. Dr. Md Nasir bin Md Noh (Civil) (Alternate Chairman)
3. Ir. Dr. Muhamad Fuad bin Abdullah (Electrical)
4. Ir. Prof. Dr. Abdul Aziz bin Abdul Raman (Chemical)
5. Ir. Dr. Siti Hawa bt Hamzah (Civil)
6. Dato' Ir. Dr. Khoo Ping Sen (Civil)
7. Ir. Mustaffa bin Tek (Mechanical)
8. Dato' Prof. Ir. Dr. Wan Hamidon bin Wan Badaruzzaman (Civil)
9. Ir. Dr. Muhammad Arkam bin Che Munaaim (Electrical)
10. Ir. Mohd Khir bin Muhammad (Aeronautical)

Terms of Reference:

- Plan and monitor the implementation of CPD for registered persons.
- Encourage, initiate, motivate and where necessary assist in the conducting of activities such as courses, workshops, seminars suitable for registered persons.
- Keep abreast of development in the training and education of registered persons and to advise the Board.
- To provide facilities for the promotion of learning and education and to hold or cause to be held professional development programmes, including continuing professional development programmes for registered persons to further enhance their knowledge in the latest developments relating to that profession.

JAWATANKUASA AMALAN IKHTISAS

Ahli:

1. Ir. Dr. Tan Yean Chin (Awam) (Pengerusi)
2. Ir. K. Sundraraj (Awam) (Pengerusi Gantian)
3. Datuk Paduka Ir. Keizrul bin Abdullah (Awam)
4. Dato' Ir. Fong Tian Yong (Awam)
5. Dato' Ir. Abdul Rashid bin Maidin (Awam)
6. Ir. Dr. Mohd Asbi bin Othman (Awam)
7. Ir. Chen Thiam Leong (Mekanikal)
8. Ir. Prem Kumar (Elektrikal)
9. Ir. Wong Shu Leong (Elektrikal)
10. Encik Shahruddin bin Shahril (Awam)
11. Dato' Ir. Mohd Fazli bin Osman (Elektrikal)
12. Ir. Mohammad Azman bin Jamrus (Awam)
13. Ir. Yam Teong Sian (Awam)
14. Ir. Anuar bin Mohd Aris (Awam)
15. Polis DiRaja Malaysia

Terma Rujukan:

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Lembaga Jurutera Malaysia yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2017 dan Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Dalam Dana Terkumpul serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan pada muka surat 5 hingga 15.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Lembaga Jurutera Malaysia pada 31 Disember 2017 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Pendaftaran Jurutera 1967 (Pindaan 2015).

Asas Kepada Pendapat

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Lembaga Jurutera Malaysia dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya

Ahli Lembaga Jurutera Malaysia bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap penyata kewangan Lembaga Jurutera Malaysia tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Ahli Lembaga Terhadap Penyata Kewangan

Ahli Lembaga bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Lembaga Jurutera Malaysia yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Pendaftaran Jurutera 1967 (Pindaan 2015). Ahli Lembaga juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Lembaga Jurutera Malaysia adalah bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan Lembaga Jurutera Malaysia, Ahli Lembaga bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Lembaga Jurutera Malaysia untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakan sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Lembaga Jurutera Malaysia secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam pernyataan kewangan Lembaga Jurutera Malaysia sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan dasar kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesahkan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan, kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Lembaga Jurutera Malaysia.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang digunakan, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Ahli Lembaga.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan dasar perakaunan untuk usaha berterusan oleh Ahli Lembaga dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Lembaga Jurutera Malaysia sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam pernyataan kewangan Lembaga Jurutera Malaysia atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Laporan Juruaudit.
- e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan pernyataan kewangan Lembaga Jurutera Malaysia memberi gambaran yang saksama.

Saya telah berkomunikasi dengan Ahli Lembaga, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Pendaftaran Jurutera 1967 (Pindaan 2015), saya juga melaporkan bahawa pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta untuk disimpan oleh Lembaga Jurutera Malaysia telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta.

Hal-hal Lain

Laporan ini dibuat untuk Ahli Lembaga dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.

(SWAIBATUL ASLAMIAH BINTI HAJI HUSAIN)
b.p. KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
2 MEI 2018



**PENYATA PENGERUSI DAN SEORANG AHLI LEMBAGA
(AKAUN INDUK)**

Kami **DATO' SRI Ir. Dr. ROSLAN BIN MD TAH**A dan **Ir. SUNDRARAJ A/L A. KRISHNASAMY** yang merupakan Pengurus dan salah seorang Ahli Lembaga, **LEMBAGA JURUTERA MALAYSIA** dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Ahli Lembaga, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Dalam Dana Terkumpul dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan **LEMBAGA JURUTERA MALAYSIA** pada 31 Disember 2017 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga,

Bagi pihak Lembaga,


NAMA : **DATO' SRI Ir. Dr. ROSLAN
BIN MD TAH**A

GELARAN : YANG DIPERTUA

TARIKH : **26 APR 2018**

TEMPAT : **LEMBAGA JURUTERA
MALAYSIA**


NAMA : **Ir. SUNDRARAJ A/L A.
KRISHNASAMY**

GELARAN : AHLI LEMBAGA

TARIKH: **26 APR 2018**

TEMPAT : **LEMBAGA JURUTERA
MALAYSIA**

**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS
PENGURUSAN KEWANGAN 2017
LEMBAGA JURUTERA MALAYSIA**

Saya, Ir. SUHAIZAD BIN SULAIMAN pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan **LEMBAGA JURUTERA MALAYSIA**, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Dalam Dana Terkumpul dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya)
diakui oleh penama di atas)
.....
di (tempat) **KUALA LUMPUR**
WILAYAH PERSEKUTUAN

26 APR 2018
pada (tarikh).....

Di hadapan saya,

No. 109A, Batu 3 ½
Jalan Kelang Lama
58000 Kuala Lumpur



PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
 PADA 31 DISEMBER 2017

	Nota	2017 RM	2016 RM
ASET BUKAN SEMASA			
Hartanah, loji dan peralatan	4	3,846,350	3,118,418
Kerja yang sedang dilaksanakan		755,496	-
ASET SEMASA			
Penghutang		334,162	701,042
Pelbagai penghutang	5	473,600	117,573
Simpanan tetap di institusi kewangan berlesen	6	29,682,655	28,644,945
Baki tunai di bank		4,309,196	6,229,172
		34,799,613	35,692,732
LIABILITI SEMASA			
Pemiutang		127,940	-
Pelbagai pemiutang	7	2,855,314	3,583,505
Terimaan terdahulu yuran tahunan dan akreditasi		3,449,650	1,668,366
Cukai	12	2,714	309,013
		6,435,618	5,560,884
ASET SEMASA BERSIH		<u>28,363,995</u>	<u>30,131,848</u>
		<u>32,965,841</u>	<u>33,250,266</u>
Dibiayai oleh:-			
DANA TERKUMPUL		32,947,385	33,081,810
DANA KHAS	8	18,456	168,456
		<u>32,965,841</u>	<u>33,250,266</u>

Nota-nota di halaman 5 hingga 15 merupakan sebahagian daripada akaun ini.

LEMBAGA JURUTERA MALAYSIA
 Ditubuhkan dibawah Akta Pendaftaran Jurutera 1967 (Pindaan 2015)
 TAHUN KEWANGAN 31 DISEMBER 2017

PENYATA PENDAPATAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

	Nota	2017 RM	2016 RM
PENDAPATAN			
Yuran pendaftaran, pemprosesan dan tahunan	9	7,759,092	4,520,610
Faedah simpanan tetap		1,281,235	865,484
Faedah simpanan semasa		27,311	15,318
Seminar dan forum		73,250	2,400
Lain-lain pendapatan		180,819	111,879
Risalah dan buletin		37,775	34,960
Lebihan pendapatan Majlis Akreditasi Kejuruteraan	10	-	422,853
Lebihan pendapatan Majlis Akreditasi Teknologi Kejuruteraan	11	137,304	-
		9,496,786	5,973,504
PERBELANJAAN			
Emolumen		3,003,245	2,138,851
ISO perundingan		36,887	8,511
Kursus, seminar dan forum		2,482,867	1,568,077
Majlis Akreditasi		1,342,374	-
Pengangkutan dan perjalanan		8,620	4,748
Penyelenggaraan dan Pembaikan		817,645	694,821
Perbelanjaan-perbelanjaan lain		378,357	102,223
Perhidmatan Ikhtisas dan Hospitaliti		126,761	148,166
Perhubungan dan Utiliti		764,992	649,731
Susutnilai	4	80,995	52,433
Kurangan pendapatan Majlis Akreditasi Kejuruteraan	11	-	166,926
Kurangan pendapatan Majlis Akreditasi Teknologi Kejuruteraan	10	431,460	-
		(9,474,203)	(5,534,487)
LEBIHAN PENDAPATAN SEBELUM CUKAI		22,583	439,017
CUKAI PENDAPATAN	12	(157,008)	(177,308)
KEKURANGAN PENDAPATAN SELEPAS CUKAI		(134,425)	261,709

Nota-nota di halaman 5 hingga 15 merupakan sebahagian daripada akaun ini.

LEMBAGA JURUTERA MALAYSIA
Ditubuhkan dibawah Akta Pendaftaran Jurutera 1967 (Pindaan 2015)
TAHUN KEWANGAN 31 DISEMBER 2017

PENYATA PERUBAHAN DALAM DANA TERKUMPUL
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

Nota	2017 RM	2016 RM
DANA TERKUMPUL		
Lebihan pendapatan terkumpul pada 1hb. Januari,	33,081,810	32,820,101
Kekurangan pendapatan selepas cukai	(134,425)	261,709
Lebihan pendapatan terkumpul pada 31hb. Disember,	<u>32,947,385</u>	<u>33,081,810</u>
DANA KHAS		
Baki pada 31hb. Disember,	8 18,456	<u>168,456</u>

Nota-nota di halaman 5 hingga 15 merupakan sebahagian daripada akaun ini.

PENYATA ALIRAN TUNAI
 BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

	Nota	2017 RM	2016 RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI			
Lebihan pendapatan sebelum cukai		22,583	439,017
Pelarasan bagi:-			
Susutnilai harta tanah, loji dan peralatan		108,895	95,685
Faedah simpanan tetap		(1,281,235)	(865,484)
Faedah akaun semasa		(27,311)	(15,318)
Kekurangan pendapatan operasi sebelum perubahan modal kerja		(1,177,068)	(346,100)
(Tambah)/(Kurangan):-			
Penghutang		366,880	(579,865)
Pelbagai penghutang		(1,111,523)	(60,105)
Tambahan/(Kurangan):-			
Pemiutang		127,940	-
Pelbagai pemiutang		(878,190)	(574,903)
Terimaan terdahulu yuran tahunan		1,781,284	739,966
Aliran Tunai Digunakan Dalam Aktiviti Operasi		(890,677)	(821,006)
Cukai dibayar		(463,308)	(10,001)
Aliran Tunai Bersih Digunakan Dalam Aktiviti Operasi		(1,353,985)	(831,007)
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN			
Pembelian harta tanah, loji dan peralatan	4	(836,827)	(72,567)
Faedah simpanan tetap		1,281,235	865,484
Faedah akaun semasa		27,311	15,318
Aliran Tunai Pelaburan Bersih		471,719	808,235
Pengurangan dalam tunai dan kesetaraan tunai dalam tahun kewangan		(882,266)	(22,772)
Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun kewangan		34,874,117	34,896,889
Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun kewangan		33,991,851	34,874,117
ANALISIS TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI:-			
Simpanan tetap di institusi kewangan berlesen		29,682,655	28,644,945
Baki tunai di bank		4,309,196	6,229,172
		33,991,851	34,874,117

Nota-nota di halaman 5 hingga 15 merupakan sebahagian daripada akaun ini.

NOTA-NOTA KEPADA AKAUN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

1. LATAR BELAKANG DAN FUNGSI-FUNGSI UTAMA LEMBAGA

Lembaga Jurutera Malaysia adalah sebuah badan berkanun yang diperbadankan di bawah Akta Pendaftaran Jurutera, 1967 (Pindaan 2015). Fungsi-fungsi utama menurut Akta tersebut adalah seperti berikut:-

- a) menyimpan dan menyelenggara daftar.
- b) meluluskan atau menolak permohonan pendaftaran di bawah Akta ini atau meluluskan mana-mana permohonan yang tertakluk kepada apa-apa sekatan yang difikirkan patut dikenakan.
- c) memerintah pengeluaran amaran bertulis atau teguran, pengenaan denda, penggantungan, pembatalan, penyingkiran atau kemasukan semula menurut Bahagian III dan IV.
- d) menetapkan kadar yuran dari semasa ke semasa dengan kelulusan Menteri yang dikenakan oleh Jurutera berdaftar dan amalan perundingan kejuruteraan untuk perkhidmatan professional kejuruteraan yang diberikan itu.
- e) bertindak sebagai pihak berkepentingan dalam suatu kontrak untuk perkhidmatan kejuruteraan profesional, apabila diminta.
- f) mengambil kerja mana-mana orang, sebagaimana yang difikirkannya perlu, untuk membantu Lembaga Jurutera Malaysia dalam menjalankan fungsi, kuasa dan kewajipan tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang ditetapkan olehnya.
- g) menyediakan kemudahan untuk promosi pembelajaran dan pendidikan dan untuk memegang atau menyebabkan diadakan program pembangunan profesional, termasuk meneruskan program pembangunan profesional, bagi orang yang berdaftar untuk meningkatkan lagi pengetahuan mereka dalam perkembangan terkini berkaitan dengan profesi itu.
- h) melantik satu jawatankuasa yang terdiri daripada orang yang akan ditentukan oleh Lembaga Jurutera Malaysia: -
 - untuk menjalankan peperiksaan penilaian profesional untuk tujuan kemasukan sebagai jurutera profesional; atau
 - untuk menjalankan peperiksaan kompetensi profesional untuk tujuan pengeluaran sijil amalan kepada jurutera profesional
- i) melantik mana-mana orang untuk mewakili Lembaga Jurutera Malaysia dalam mana-mana jawatankuasa, panel atau institusi, di mana orang yang kemudiannya akan membuat cadangan kepada Lembaga Jurutera Malaysia tentang semua perkara mengenai kelayakan untuk kemasukan ke profesi
- j) melantik sebuah badan seperti Majlis Akreditasi yang terdiri daripada ahli-ahli dari Lembaga Jurutera Malaysia, jurutera profesional dan lain-lain sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga Jurutera Malaysia untuk menasihati kerajaan dan orang ramai mengenai perkara-perkara yang berhubungan dengan pendidikan kejuruteraan, termasuk pensijilan program tersebut.
- k) menyebabkan peperiksaan yang akan dikendalikan oleh sebuah institusi yang diiktiraf oleh lembaga bagi tujuan kemasukan ke profesi
- l) menentukan dan mengawal tata kelakuan atau kesesilaan profession kejuruteraan
- m) Semua pendapatan hasil daripada Akta ini digunakan untuk membayai perbelanjaan pendaftaran Akta ini, perbelanjaan pentadbiran Akta ini, penyediaan biasiswa berkaitan kejuruteraan, perbelanjaan promosi pembelajaran serta pendidikan berkaitan kejuruteraan dan termasuk apa-apa perbelanjaan Lembaga yang boleh dibenarkan di bawah mana-mana peraturan dibuat di bawah Akta ini.

NOTA-NOTA KEPADA AKAUN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

1. LATAR BELAKANG DAN FUNGSI-FUNGSI UTAMA LEMBAGA (bersambung)

Pejabat berdaftar adalah di Tingkat 11 & 17 Blok F, Ibu Pejabat JKR, Jalan Sultan Salahuddin, 50580 Kuala Lumpur, Malaysia.

Penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2017 yang telah diaudit dan diluluskan oleh Ahli Lembaga untuk pengeluaran berdasarkan resolusi pada 26 April 2018.

2. ASAS PENYEDIAAN AKAUN

Penyata kewangan telah disediakan mematuhi kehendak peraturan-peraturan Akta Pendaftaran Jurutera 1967 (Pindaan 2015) dan Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS) yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB).

Bagi tahun semasa yang berakhir pada 31 Disember 2017, Lembaga telah menggunakan piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS). Tarikh peralihan kepada Rangka Kerja MPERS baru adalah 1 Januari 2016.

Penggunaan Rangka Kerja MPERS baru menghendaki semua piawaian dalam MPERS digunakan untuk penyata kewangan bagi tahun semasa yang berakhir pada 31 Disember 2016, penyata kewangan perbandingan untuk tahun berakhir 31 Disember 2015, dan penyata pembukaan kedudukan kewangan di tarikh peralihan kepada MPERS. Tiada kesan penting yang timbul daripada piawaian ini terhadap Penyata Kewangan Lembaga.

3. DASAR PERAKAUNAN

3.1 Asas Perakaunan

Akaun-akaun ini telah disediakan menurut konvensyen kos sejarah.

3.2 Pengiktirafan pendapatan

Pendapatan diiktiraf sehingga tahap yang ia berkemungkinan bahawa manfaat ekonomi akan mengalir kepada Lembaga dan pendapatan boleh dikira dengan betul. Kriteria pengiktirafan khusus hendaklah juga dipenuhi sebelum hasil diiktiraf:-

- (a) Yuran tahunan , yuran pendaftaran dan yuran akreditasi

Yuran tahunan, yuran pendaftaran dan yuran akreditasi bagi tahun semasa diiktiraf pada masa ianya diterima.

- (b) Pendapatan faedah dan sewa

Faedah atas simpanan tetap dan sewa diterima bagi tahun semasa diiktiraf atas dasar terakru.

3.3 Hartanah, Loji, Peralatan dan Susut nilai

Pengendalian aset bersih yang digunakan untuk jangka masa yang lebih lama dalam pengeluaran perkhidmatan, untuk tujuan pentadbiran diiktiraf sebagai Hartanah, Loji dan peralatan.

NOTA-NOTA KEPADA AKAUN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

3. DASAR PERAKAUNAN (bersambung)**3.3 Hartanah, Loji, Peralatan dan Susut nilai (bersambung)**

Semua Hartanah, Loji dan Peralatan adalah pada mulanya diukur pada kos. Bagi aset yang telah dibeli, kos terdiri daripada harga belian dan ditambah dengan semua kos yang berkaitan dengan harga yang ditanggung untuk membawa aset ke lokasi dan keadaan semasa untuk tujuan penggunaan pihak pengurusan.

Kesemua Hartanah, Loji dan Peralatan kemudiannya diukur pada kos ditolak susut nilai terkumpul dan kerugian kemerosotan terkumpul.

Semua Hartanah, Loji dan Peralatan lain disusut nilai dengan memperuntukkan jumlah yang boleh disusut nilai komponen penting atau sesuatu item sepanjang baki hayat berguna. Kaedah susut nilai yang digunakan dan hayat kegunaan kelas Hartanah, Loji dan Peralatan adalah:

Aset Bukan Semasa	Kaedah	Jangka hayat
Peralatan Pejabat	Garis lurus	10 tahun
Perabot dan kelengkapan	Garis lurus	10 tahun
Peralatan komputer	Garis lurus	3 tahun
Pengubahsuai	Garis lurus	10 tahun
Kenderaan bermotor	Garis lurus	5 tahun

3.4 Tunai dan Kesetaraan Tunai

Tunai terdiri daripada tunai dan baki di bank sementara kesetaraan tunai adalah terdiri daripada deposit jangka pendek dan simpanan mudah cair yang boleh ditukar kepada wang tunai tanpa perubahan nilai yang ketara.

3.5 Nilai aset terjejas

Pada tarikh Lembaran Imbangan, Lembaga mengkaji semula nilai buku aset apabila terdapat petanda yang menunjukkan nilai aset terjejas.

Kejejasan ini dikira dengan membandingkan nilai dibawa aset dengan amaun pemulihan semula aset. Amaun pemulihan semula aset adalah nilai lebih tinggi antara nilai bersih yang direalisasikan dan nilai penggunaannya, yang ditetapkan mengikut kaedah aliran tunai terdiskaun masa hadapan.

Kerugian di atas nilai aset terjejas akan dicajkan terus ke penyata pendapatan. Penambahan semula nilai berikutnya di dalam jumlah pemulihan semula aset akan diambil kira dengan pelarasan balik jumlah rugi kejejasan aset terdahulu dan hanya diambil kira sehingga nilai buku bersih aset yang telah ditetapkan di mana seolah-olah tiada rugi atas nilai aset terjejas yang telah dikenalpasti. Pelarasan semula kerugian nilai aset terjejas atas penilaian aset dikreditkan terus ke penyata pendapatan.

3.6 Instrumen kewangan**(a) Pengiktirafan Awal dan Pengukuran**

Lembaga mengiktiraf aset kewangan atau liabiliti kewangan (termasuk instrumen derivatif) dalam penyata kedudukan kewangan apabila, dan hanya apabila ia menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen tersebut.

NOTA-NOTA KEPADA AKAUN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

3. DASAR PERAKAUNAN (bersambung)

3.6 Instrument kewangan (bersambung)

- (b) Pada pengiktirafan awal, semua aset kewangan dan liabiliti kewangan diukur pada nilai saksama, yang pada umumnya adalah harga transaksi, ditambah dengan kos transaksi jika aset kewangan atau liabiliti kewangan tidak diukur pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian. Bagi instrumen yang diukur pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian, kos urus niaga dibelanjakan untuk keuntungan atau kerugian apabila ditanggung.

(i) Pelbagai penghutang

Pelbagai penghutang dinyatakan pada nilai boleh direalisasikan dijangka. Hutang lapuk dihapus kira apabila dikenal pasti. Anggaran dibuat bagi hutang rugu berdasarkan semakan ke atas semua jumlah belum dijelas pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan.

(ii) Pelbagai pemutang

Pelbagai pemutang dinyatakan pada kos yang merupakan nilai saksama balasan untuk dibayar pada masa hadapan bagi barang dan perkhidmatan diterima.

(iii) Terimaan terdahulu yuran tahunan dan akreditasi

Terima terdahulu yuran tahunan dan akreditasi diiktiraf atas dasar akruan.

3.7 Percukaian

Secara umumnya, Lembaga merupakan sebuah organisasi yang bukan berlandaskan keuntungan dan punca pendapatan utamanya merupakan yuran pendaftaran dan yuran tahunan. Walaubagaimanapun, Lembaga juga mempunyai punca pendapatan yang lain seperti hasil faedah dan hasil sewa di mana ianya tidak tergolong di dalam pengecualian menurut Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 4) 2003.

3.8 Manfaat Kakitangan

Lembaga mengiktiraf liabiliti apabila pekerja telah menyediakan perkhidmatan sebagai pertukaran untuk manfaat pekerja yang akan dibayar pada masa akan datang dan perbelanjaan apabila Lembaga menggunakan manfaat ekonomi yang timbul daripada perkhidmatan yang disediakan oleh pekerja sebagai pertukaran untuk faedah pekerja.

(a) Faedah Pekerja Jangka Pendek

Upah, gaji, bonus dan caruman keselamatan sosial diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tahun tertentu, di mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh kakitangan. Ketakhadiran diberi pampasan jangka pendek terkumpul seperti cuti tahunan berbayar diiktiraf apabila perkhidmatan diberikan oleh kakitangan yang meningkatkan keberhakan mereka kepada ketakhadiran diberi pampasan masa hadapan, dan ketakhadiran diberi pampasan jangka pendek bukan terkumpul seperti cuti sakit diiktiraf apabila ketakhadiran berlaku.

LEMBAGA JURUTERA MALAYSIA

Ditubuhkan dibawah Akta Pendaftaran Jurutera 1967 (Pindaan 2015)

TAHUN KEWANGAN 31 DISEMBER 2017

NOTA-NOTA KEPADA AKAUN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

3. DASAR PERAKAUNAN (bersambung)

3.8 Manfaat Kakitangan (bersambung)

Faedah Pekerja Jangka Pendek untuk tahun berakhir 2017 adalah seperti di bawah:

	2017 RM	2016 RM
Gaji Kakitangan	1,862,840	1,464,622
Bonus	388,467	143,223
Perubatan	15,075	16,310
	<hr/>	<hr/>
	2,266,382	1,624,155

- (b) Faedah Pekerja Jangka Panjang

- (i) Pelan caruman Tetap

Caruman yang dibuat kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja diiktiraf sebagai perbelanjaan apabila urusniaga berlaku.

- (ii) Gantian Cuti Rehat

Gantian Cuti Rehat di akru sebagai perbelanjaan di dalam Penyata Pendapatan dan liabiliti manfaat kakitangan di dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Jumlah maksimum Gantian Cuti Rehat ialah 150 hari.

NOTA-NOTA KEPADA AKAUN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017
4. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

2017 Kos	Pada 1.1.2017 RM	Tambahan RM	Pada 31.12.2017 RM
Bangunan milik bebas	2,882,884	-	2,882,884
Peralatan pejabat	376,220	340,107	716,327
Perabot dan kelengkapan	244,594	373,394	617,989
Peralatan komputer	837,249	91,462	928,710
Pengubahsuai	345,221	-	345,221
Kenderaan bermotor	6,264	-	6,264
Majlis Akreditasi Kejuruteraan (EAC)			
- Peralatan komputer	122,351	14,097	136,448
- Peralatan pejabat	79,049	4,365	83,414
- Pengubahsuai	175,335	-	175,335
- Perabot dan kelengkapan	4,800	-	4,800
- Kenderaan bermotor	6,623	-	6,623
Majlis Akreditasi Teknologi Kejuruteraan (ETAC)			
- Peralatan komputer	-	13,400	13,400
	5,080,591	836,825	5,917,415

Susut nilai terkumpul			
Peralatan pejabat	312,514	18,872	331,387
Perabot dan kelengkapan	238,079	10,528	248,606
Peralatan komputer	795,692	36,087	831,778
Pengubahsuai	286,581	14,256	300,837
Kenderaan bermotor	3,759	1,253	5,011
Majlis Akreditasi Kejuruteraan (EAC)			
- Peralatan komputer	84,412	19,621	104,032
- Peralatan pejabat	60,273	4,798	65,071
- Pengubahsuai	175,333	-	175,334
- Perabot dan kelengkapan	2,880	480	3,360
- Kenderaan bermotor	2,650	1,325	3,974
Majlis Akreditasi Teknologi Kejuruteraan (ETAC)			
- Peralatan komputer	-	1,675	1,675
	1,962,172	108,895	2,071,065

2016 Kos	Pada 1.1.2016 RM	Tambahan RM	Pada 31.12.2016 RM
Bangunan milik bebas	2,882,884	-	2,882,884
Peralatan pejabat	358,223	17,997	376,220
Perabot dan kelengkapan	244,594	-	244,594
Peralatan komputer	819,086	18,163	837,249
Pengubahsuai	345,221	-	345,221
Kenderaan bermotor	6,264	-	6,264
Majlis Akreditasi Kejuruteraan (EAC)			
- Peralatan komputer	88,944	33,407	122,351
- Peralatan pejabat	76,050	2,999	79,049
- Pengubahsuai	175,335	-	175,335
- Perabot dan kelengkapan	4,800	-	4,800
- Kenderaan bermotor	6,623	-	6,623
	5,008,024	72,567	5,080,591

LEMBAGA JURUTERA MALAYSIA
 Ditubuhkan dibawah Akta Pendaftaran Jurutera 1967 (Pindaan 2015)
 TAHUN KEWANGAN 31 DISEMBER 2017

NOTA-NOTA KEPADA AKAUN
 BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

4. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (sambungan)

2016 Susut nilai terkumpul	Pada 1.1.2016 RM	Tambahan RM	Pada 31.12.2016 RM
Peralatan pejabat	303,676	8,838	312,514
Perabot dan kelengkapan	236,887	1,192	238,079
Peralatan komputer	768,798	26,894	795,692
Pengubahsuai	272,324	14,257	286,581
Kenderaan bermotor	2,506	1,253	3,759
Majlis Akreditasi Kejuruteraan (EAC)			
- Peralatan komputer	67,177	17,235	84,412
- Peralatan pejabat	52,936	7,337	60,273
- Pengubahsuai	157,797	17,536	175,333
- Perabot dan kelengkapan	2,400	480	2,880
- Kenderaan bermotor	1,987	663	2,650
	1,866,488	95,685	1,962,173

<u>Nilai buku bersih</u>	2017 RM	2016 RM
Bangunan milik bebas	2,882,884	2,882,884
Peralatan pejabat	384,939	63,706
Perabot dan kelengkapan	369,383	6,515
Peralatan komputer	96,932	41,557
Pengubahsuai	44,384	58,641
Kenderaan bermotor	1,253	2,505
Majlis Akreditasi Kejuruteraan (EAC)		
- Peralatan komputer	32,416	37,939
- Peralatan pejabat	18,343	18,776
- Pengubahsuai	1	2
- Perabot dan kelengkapan	1,440	1,920
- Kenderaan bermotor	2,649	3,973
Majlis Akreditasi Teknologi Kejuruteraan (ETAC)		
- Peralatan komputer	11,725	-
	3,846,350	3,118,418

5. PELBAGAI PENGHUTANG

	2017 RM	2016 RM
Pinjaman kakitangan	3,370	7,273
Pelbagai pertaruhan	14,182	14,782
Pembayaran terdahulu dan terakru	281,446	1,574
Penghutang lain	174,602	93,944
	473,600	117,573

6. SIMPANAN TETAP DI INSTITUSI KEWANGAN BERLESEN

Kadar faedah efektif boleh terima bagi simpanan tetap dengan institusi kewangan berlesen ialah di antara 2.90% hingga 3.65% (2016: 3.00% hingga 4.25%) setahun. Tempoh pemegangan simpanan tetap ialah antara 30 hari hingga 2 tahun (2016: 30 hari hingga 2 tahun).

NOTA-NOTA KEPADA AKAUN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

7. PELBAGAI PEMIUTANG

	2017 RM	2016 RM
Ganjaran juruaudit	30,325	20,000
Ganjaran jurucukai	5,000	4,500
Deposit dipegang	2,171,777	3,559,005
Peruntukan dan terakru	551,503	-
Pelbagai Pemiutang	96,709	-
	2,855,314	3,583,505

8. DANA KHAS

	2017 RM	2016 RM
Baki pada 31hb. Disember,	18,456	168,456

Dana Khas adalah merupakan lebihan pendapatan yang diterima bagi tujuan membiayai perbelanjaan kursus dan program-program khusus yang diluluskan oleh pihak Lembaga dan akan dilunaskan terus ke akaun geran ini bagi sebarang perbelanjaan yang berlaku.

9. YURAN-YURAN

	2017 RM	2016 RM
Yuran pemprosesan pemegang amanah	8,000	18,000
Yuran pendaftaran - <i>milikan tunggal (SP) & perkongsian (PN)</i>	16,875	25,250
Yuran pendaftaran semula - <i>milikan tunggal (SP) & perkongsian (PN)</i>	69,275	10,600
Yuran pemprosesan - <i>milikan tunggal (SP) & perkongsian (PN)</i>	3,350	5,550
Yuran tahunan - <i>milikan tunggal (SP) & perkongsian (PN)</i>	392,300	384,685
Yuran pendaftaran - <i>pemeriksa bertauliah (AC)</i>	1,450	2,300
Yuran pemprosesan - <i>pemeriksa bertauliah (AC)</i>	400	500
Yuran tahunan - <i>pemeriksa bertauliah (AC)</i>	3,400	3,800
Yuran pendaftaran semula - <i>badan bersekutu (AC)</i>	2,900	6,500
Yuran pendaftaran - <i>jurutera sementara (TPE)</i>	-	-
Yuran pemprosesan - <i>jurutera sementara (TPE)</i>	100	-
Yuran tahunan - <i>jurutera sementara (TPE)</i>	-	-
Yuran pendaftaran - <i>badan bersekutu (BC)</i>	42,000	37,500
Yuran pendaftaran semula - <i>badan bersekutu (BC)</i>	138,650	6,050
Yuran pemprosesan - <i>badan bersekutu (BC)</i>	2,800	2,500
Yuran tahunan - <i>badan bersekutu (BC)</i>	1,043,250	1,044,500
Yuran pendaftaran - <i>jurutera profesional (PE)</i>	152,530	184,000
Yuran pendaftaran semula - <i>jurutera profesional (PE)</i>	127,950	151,115
Yuran pemprosesan - <i>jurutera profesional (PE)</i>	35,000	35,350
Yuran tahunan - <i>jurutera profesional (PE)</i>	282,400	1,929,150
Yuran jurutera siswazah	583,019	318,560
Yuran peperiksaan (PAE)	109,800	26,800
Yuran pendaftaran - <i>pelbagai bidang (MD)</i>	1,000	3,000
Yuran pemprosesan - <i>pelbagai bidang (MD)</i>	50	150
Yuran tahunan - <i>pelbagai bidang (MD)</i>	45,000	41,000
Yuran pendaftaran semula - <i>pelbagai bidang (MD)</i>	6,050	-
Yuran penambahan bidang	2,000	1,700
Yuran pemprosesan - <i>jurutera profesional asing (RFPE)</i>	600	300
Yuran tahunan - <i>jurutera profesional asing (RFPE)</i>	600	300
Yuran pemprosesan PCE	18,600	10,500
Yuran teknologi kejuruteraan	95,700	90,000
Yuran pendaftaran - <i>pemeriksa tapak (IOW)</i>	45,200	37,850
Yuran pemprosesan - <i>pemeriksa tapak (IOW)</i>	59,625	37,600

LEMBAGA JURUTERA MALAYSIA
 Ditubuhkan dibawah Akta Pendaftaran Jurutera 1967 (Pindaan 2015)
 TAHUN KEWANGAN 31 DISEMBER 2017

NOTA-NOTA KEPADA AKAUN
 BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

9. YURAN-YURAN (sambungan)

	2017 RM	2016 RM
Yuran pendaftaran semula - <i>pemeriksa tapak (IOW)</i>	180	-
Yuran pembaharuan jurutera professional asing (RFPE)	-	500
Yuran peperiksaan (PCE)	165,400	105,000
Yuran pemprosesan - PEPC	5,450	-
Yuran pendaftaran - PEPC	21,400	-
Yuran tahunan - PEPC	4,041,438	-
Yuran pendaftaran semula - PEPC	235,350	-
	7,759,092	4,520,610

10. MAJLIS AKREDITASI KEJURUTERAAN

Bagi tahun kewangan semasa, pihak Lembaga telah mengasingkan akaun Majlis Akreditasi Kejuruteraan bagi tujuan pengurusan.

	2017 RM	2016 RM
PENDAPATAN		
Yuran akreditasi	1,183,200	1,764,000
Lain-lain pendapatan	220,693	355,967
	1,403,893	2,119,967
PERBELANJAAN		
Air dan elektrik	6,533	8,823
Alat tulis dan percetakan	33,831	43,368
Caruman K.W.S.P, K.W.A.P dan PERKESO	118,946	96,313
Caj bank	1,041	1,034
Cukai pintu dan tanah	15,319	-
Elaun mesyuarat	53,700	45,900
Elaun pengarah dan pegawai	84,000	83,000
Gaji, elauan dan bonus	741,052	702,843
Ganjaran juruaudit	9,270	4,500
Hadiah dan cenderahati	-	3,249
Insuran	9,858	5,214
Kebajikan kakitangan	26,181	4,500
Mesyuarat dan keraian	29,554	37,777
Pengangkutan	7,558	4,874
Penyelenggaraan pejabat	154,246	9,600
Penyelenggaraan kenderaan	38	699
Penyelenggaraan komputer	43,546	38,190
Perbelanjaan akreditasi	431,745	437,815
Perbelanjaan latihan, bengkel dan seminar	14,136	3,282
Perbelanjaan lain-lain	8,455	5,371
Perubatan	3,058	4,587
Pos, telefon dan internet	16,750	21,483
Risalah dan buletin	312	91,441
Susutnilai	26,224	43,251
	(1,835,353)	(1,697,114)
LEBIHAN/(KURANGAN) PENDAPATAN	(431,460)	422,853

NOTA-NOTA KEPADA AKAUN
 BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

11. MAJLIS AKREDITASI TEKNOLOGI KEJURUTERAAN

Bagi tahun kewangan semasa, pihak Lembaga telah mengasingkan akaun Majlis Akreditasi Teknologi Kejuruteraan bagi tujuan pengurusan.

	2017 RM	2016 RM
PENDAPATAN		
Yuran akreditasi dan bantuan dari Lembaga Jurutera Malaysia	1,342,374	-
Lain-lain pendapatan	5,000	-
	<hr/>	<hr/>
	1,347,374	-
PERBELANJAAN		
Air dan elektrik	2,740	-
Alat tulis dan percetakan	14,573	3,893
Caruman K.W.S.P, K.W.A.P dan PERKESO	16,524	-
Caj bank	185	-
Elaun mesyuarat	57,300	31,800
Elaun pengarah dan pegawai	48,000	28,126
Gaji, elauan dan bonus	167,432	-
Ganjaran juruaudit	2,500	2,500
Hadiah dan cenderahati	1,320	-
Insuran	2,066	-
Kebajikan kakitangan	4,000	-
Mesyuarat dan kerian	54,112	9,371
Pengangkutan	146	411
Penyelenggaraan pejabat	3,120	-
Penyelenggaraan komputer	160	-
Perbelanjaan akreditasi	801,580	89,866
Perbelanjaan latihan, bengkel dan seminar	4,077	
Perbelanjaan lain- lain	21,854	959
Perubatan	750	-
Pos, telefon dan internet	5,956	-
Susutnilai	1,675	-
	<hr/>	<hr/>
	(1,210,070)	(166,926)
LEBIHAN / (KURANGAN) PENDAPATAN	4	(166,926)
	<hr/>	<hr/>
	137,304	(166,926)

12. CUKAI

	2017 RM	2016 RM
Peruntukan tahun semasa	249,800	191,328
Bayaran CP 500 semasa	(247,086)	(14,020)
(Kurangan)/Lebihan peruntukan tahun-tahun lalu	-	-
	<hr/>	<hr/>
	2,714	177,308

Peruntukan di atas adalah tertakluk kepada persetujuan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri.

LEMBAGA JURUTERA MALAYSIA

Ditubuhkan dibawah Akta Pendaftaran Jurutera 1967 (Pindaan 2015)

TAHUN KEWANGAN 31 DISEMBER 2017

NOTA-NOTA KEPADA AKAUN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

13. KOMITMEN MODAL DAN PERBELANJAAN MODAL

	2017 RM	2016 RM
Perbelanjaan Modal yang telah diluluskan oleh Lembaga	1,000,000	1,628,050
Perbelanjaan Modal yang telah dikontrakkan	<u>1,000,000</u>	<u>1,628,050</u>

14. PENDEDAHAN PIHAK BERKAITAN

	2017 RM	2016 RM
Gaji Pihak Pengurusan	296,129	245,720
	<u>296,129</u>	<u>245,720</u>



LEMBAGA JURUTERA MALAYSIA
Board of Engineers Malaysia

Tingkat 17,
Blok F Ibu Pejabat JKR
Jalan Sultan Salahuddin
50580 Kuala Lumpur

Tel : +603 26912090 +603 26107095
/7096/7097/7098

Fax : +603-2692 5017

www.bem.org.my

